

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan inisiatif Kementerian bagi memasang GPS untuk mengawal had laju lori dan memastikan pengendali syarikat kenderaan berat menyelenggara kenderaan mereka mengikut waktu yang sepatutnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemasangan GPS bagi mengawal had laju kenderaan berat adalah merupakan satu kewajipan bagi syarikat yang menjalankan perkhidmatan kenderaan barang. Perkara ini telah dikuatkuasakan sejak tahun 2013 melalui **Kod Amalan Industri-Keselamatan (ICOP-Keselamatan) Untuk Pengendali Berlesen Perkhidmatan Kenderaan Barang**. ICOP-Keselamatan ini adalah merupakan satu kursus wajib yang perlu dihadiri oleh pengendali kenderaan barang dalam menjalankan perkhidmatan terlibat.
2. Berhubung pertanyaan Ahli Yang Berhormat berkenaan inisiatif bagi memastikan pengendali syarikat kenderaan berat menyelenggara kenderaan mengikut waktu yang sepatutnya, adalah dimaklumkan bahawa setiap kenderaan perdagangan adalah diwajibkan untuk menjalani Pemeriksaan Berkala di PUSPAKOM setiap 6 bulan seperti yang ditetapkan di dalam Kaedah 4, Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pemeriksaan Berkala, Kelengkapan dan Standard Pemeriksaan) yang menjadi syarat wajib pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) bagi kenderaan tersebut.
3. Untuk makluman, sebanyak **94** buah syarikat pengendali kenderaan barang telah digantung selepas gagal proses audit dan kemalangan pada tahun 2023. Kementerian tidak akan teragak-agak daripada mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas terhadap mana-mana pihak yang mengingkari peraturan dan undang-undang yang ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

Sekian, terima kasih.